

Guru isi kemerdekaan, pembangunan negara

Tahap ilmu tingkat taraf hidup rakyat, lebih disegani dunia

BH - 18/5/2007



Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Syuhada Choo Abdullah
dan Johan Afandi

SUMBANGAN guru terbukti berjaya serta berkesan membantu membangun dan memajukan negara sepanjang tempoh 50 tahun merdeka, kata Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahamad Sipon.

Dalam konteks ini, katanya, bukan saja rakyat kini mengecapi nikmat kemajuan dalam pelbagai bidang, bahkan Malaysia turut disanjung serta dihormati di kalangan negara

jiran dan maju di dunia.

Beliau berkata, pendidikan menjadi wadah melonjakkan daya produktiviti dan daya saing negara untuk mencapai status maju menjelang 2020.

Tema perayaan Hari Guru tahun ini 'Guru Penjana Modal Insan Gemilang. Terima Kasih Cikgu', katanya, menzahirkan hasrat guru serta mengiktiraf peranan mereka melahirkan insan berprestasi tinggi, berminda kelas pertama dan memiliki akhlak mulia.

"Maksud tema ini bertepatan hasrat Perdana Menteri ketika menegaskan bahawa modal insan berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan.

"Sesungguhnya, kami bangga menjadi seorang guru. Amanah serta harapan tinggi diletakkan kerajaan dan rakyat akan kami tunaikan dengan sebaik-baik, Insya-Allah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-36 oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen

FAKTA NOMBOR

Sambutan Hari Guru
2007

6

Penerima tokoh guru, tokoh
kepemimpinan dan guru cemerlang

RM300j

Geran penubuhan Yayasan
Guru Tun Hussein Onn

1,600

Guru besar nikmati skim
pangkat baru

Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru, malam kelmarin.

Hadir sama Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, di samping kira-kira 3,000 tetamu jemputan dari seluruh negara.

Sambil mengakui keprihatinan Abdullah terhadap warga guru amat jelas, Ahamad berkata, perhatian dan persetujuan kerajaan terhadap permohonan Kementerian Pelajaran untuk menambah baik kemudahan serta perkhidmatan secara langsung mendorong usaha mempertingkatkan sistem penyampaian dan juga kualiti pendidikan.

Justeru dengan pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, beliau berkata, hasrat membangunkan pendidikan berkualiti menjadi lebih berfokus dan menjurus.

Malah, katanya, Hishammuddin selaku pemimpin kementerian sentiasa mengambil berat kebajikan guru dan pelbagai inisiatif memenuhi matlamat pembangunan pendidikan.